



SYARAT PERTANDINGAN
24 JAM HACKATHON DATA TERBUKA PULAU PINANG 2018
(24 HOURS PENANG OPEN DATA HACKATHON 2018)

- i) Pasukan dikehendaki menyediakan produk berdasarkan bidang fokus (theme) terpilih yang disediakan pihak penganjur dengan menggunakan data terbuka di Portal Data Terbuka Negeri Pulau Pinang (data.penang.gov.my) dan/atau Portal Data Terbuka Malaysia (www.data.gov.my). Pasukan juga boleh menggunakan data lain. Data dan sumber data perlu dinyatakan dalam laporan projek.
- ii) Bidang fokus setiap pasukan akan ditentukan dengan undian sebelum bermulanya pertandingan.
- iii) Pasukan dikehendaki menggunakan perkakasan dan perisian ICT sendiri.
- iii) Produk hendaklah dibangunkan dalam **tempoh masa 24 jam**, penyerahan yang dibuat selepas daripada itu tidak akan dinilai oleh panel juri.
- iv) Produk dibangunkan bersasaskan sistem pengoperasian Linux dan/atau Windows dan/atau Apple iOS dan/atau Google Android.
- v) Pasukan boleh menggunakan apa-apa perisian dan tools untuk membangunkan produk.
- vi) Produk yang dibangunkan adalah asli dan tidak terikat dengan mana-mana Harta Intelek (*Intellectual Property*).
- vii) Kemudahan tempat, internet dan makan minum semasa pertandingan disediakan oleh penganjur. Penganjur tidak menyediakan tempat penginapan dan kemudahan pengangkutan pasukan.
- viii) Produk yang dibangunkan mesti dikemukakan dan dibentangkan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- ix) Setiap ahli pasukan hendaklah hadir untuk sesi taklimat oleh urus setia pada hari pertama dan pembentangan projek kepada Panel Penilai pada hari kedua program Hackathon. Tempoh pembentangan adalah selama 10 minit.

- x) Penyertaan adalah terbatal jika pasukan GAGAL membuat pembentangan projek.
- xi) Produk pasukan akan dinilai berdasarkan kriteria berikut :
- a) Produk (30% markah)
 - Menepati bidang fokus yang ditetapkan.
 - Penyelesaian kepada masalah yang dinyatakan.
 - Reka bentuk dan pengalaman pengguna.
 - Mudah digunakan dan mesra pengguna.
 - Kreatif dan inovatif.
 - b) Penggunaan Data (30% markah)
 - Penggunaan data daripada portal data.penang.gov.my.
 - Penggunaan data daripada portal data.gov.my.
 - Penggunaan data terbuka dari sumber lain.
 - c) Berdaya Maju (20% markah)
 - Produk realistik dan berpotensi untuk dibangunkan.
 - Boleh digunakan untuk tempoh yang lama dan scalable.
 - Produk berpotensi untuk perkembangan dan perluasan.
 - d) Persembahan (10% markah)
 - e) Faktor “WOW” (10% markah)
- xii) Pasukan dikehendaki berada dilokasi pertandingan sepanjang pertandingan berlangsung.
- xiii) Keputusan panel penilai pertandingan adalah muktamad.
- xiv) Pemenang akan diumumkan semasa Seminar Kerajaan Digital Negeri Pulau Pinang Tahun 2018 pada 11 Oktober 2018.